

'SAMA TAPI TIDAK SERUPA' DALAM FENOMENA KESALINGFAHAMAN BAHASA IBAN DAN DIALEK MELAYU SARAWAK

Wan Robiah Hj. Meor Osman, Rosnah Mustafa, Remmy Gedat, Siti Marina Kamil, Hamidah Abdul Wahab

Universiti Malaysia Sarawak
mowrobiah@unimas.my

ABSTRAK

Kesalingfahaman atau mutual intelligibility ialah suatu keadaan yang merujuk kepada hubungan antara dua bahasa. Sesuatu pertuturan itu dikategorikan bawah kesalingfahaman jika seseorang penutur itu berupaya memahami pertuturan penutur lain tanpa sebarang kesulitan. Maka, dapatlah ditakrifkan kesalingfahaman ialah situasi berkaitan dengan penutur bahasa atau dialek yang saling memahami antara satu sama lain dalam berkomunikasi. Fenomena kesalingfahaman ini sering ditemui dalam kalangan penutur bahasa serumpun atau yang mempunyai perkaitan bahasa yang akrab antara satu sama lain. Faktor kesalingfahaman dalam bahasa atau dialek lazimnya disebabkan oleh asal-usul daripada rumpun atau keluarga bahasa yang sama. Walaupun demikian, tahap kesalingfahaman seseorang penutur itu berbeza-beza berdasarkan faktor pendedahan pendengar tentang sesuatu bahasa, tahap pendidikan dan tahap keinginan memahami pertuturan individu lain. Oleh hal yang demikian, maka dalam fenomena kesalingfahaman ini peratusan darjah kesalingfahaman tersebut memainkan peranan penting dalam memastikan sesuatu interaksi itu berjaya. Hal ini disebabkan dalam komunikasi adakalanya wujud situasi yang menyebabkan seseorang penutur tersebut membuat andaian atau tafsiran yang salah terhadap makna sesuatu kata. Keadaan ini berlaku kesan daripada kelaziman berbahasa seseorang penutur dengan menggunakan makna kata yang menjadi norma dalam bahasa atau dialeknnya. Justeru, kajian ini memanfaatkan 50 data kajian bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak yang sama sebutan dan kosa katanya tetapi mempunyai makna yang berlainan. Kajian bersifat deskriptif ini memperincikan data dari aspek semantik dengan menemui bual penutur natif daripada dua kelompok bahasa yang dikaji. Pemerian data dari aspek semantik yang memperincikan makna kata diketengahkan dengan mengaitkan aspek kebudayaan dan tradisi masyarakat yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan keunikan kepelbagaian makna dalam dua bahasa yang terdiri daripada dua kelompok etnik terbesar di Sarawak. Hasil kajian ini sangat penting untuk diketengahkan agar dapat menjadi rujukan dan menonjolkan keunikan berbahasa kedua-dua masyarakat di Kepulauan Borneo yang menjanggi kerencaman tradisi dan budaya berbahasa yang menjadi warisan turun-temurun.

Kata kunci: *Kesalingfahaman, Makna, Bahasa Iban, Dialek Melayu Sarawak*

PENDAHULUAN

Kepulauan Borneo khususnya Sarawak mempunyai 27 etnik (Portal Jabatan Penerangan Malaysia, 2017). Berdasarkan statistik sebelum tahun 2013, etnik terbesar di Sarawak ialah Iban yang mewakili 29.1 peratus (603, 735 orang penduduk), diikuti etnik Cina sebanyak 25.9 peratus atau 537,230 orang penduduk dan etnik Melayu mewakili 22.3 peratus (462,270 orang penduduk) dan diikuti oleh etnik-etnik lain iaitu Bidayuh, Melanau dan lain-lain yang menjadikan penduduk Sarawak sekitar 2 juta penduduk (Awang Azman Awang Pawi, 2014). Kebanyakan komuniti Melayu tinggal di sepanjang sungai, iaitu di Kuching, Sadong, Simanggang, Kalaka, Sibulundu, Saribas dan sepanjang pantai antara Tanjung Datu dan Siri. Manakala perkampungan moden Melayu Sarawak kebanyakan sekitar Satok seperti Kampung Bitangor atau Singgolen, Kampung Patingan dan sebagainya (Awang Azman Awang Pawi, 2014). Sementara itu, komuniti Iban menurut Lee (1981) pula kebanyakannya mendiami kawasan sepanjang sungai, terutamanya kawasan Sungai Batang Lupar dan Sungai Rejang. Kawasan yang paling ramai diduduki oleh kaum ini ialah di daerah Simanggang (Sri Aman), Lubuk Antu, Kanowit dan Kapit (Rahim Aman, 2006).

Masyarakat Sarawak khususnya etnik Iban dan Melayu mempunyai bahasa pertuturannya yang berbeza namun terdapat sebilangan kata yang sama dari segi kosa kata dan bunyi. Contohnya penutur natif bahasa Melayu yang pernah mendengar orang Iban bertutur akan mengenal pasti sesetengah kosa kata Iban kelihatan atau berbunyi lebih kurang sama dengan kosa kata dalam bahasa Melayu (Noriah Mohamed, 2004). Hal yang sama juga berlaku dalam situasi berbahasa antara etnik Iban dan Melayu di Sarawak. Oleh hal yang demikian, dapatlah dilihat bahawa dalam fenomena berbahasa masyarakat umum khususnya di Sarawak mempunyai sifat saling faham yang berkemungkinan disebabkan oleh faktor-faktor sekeliling yang meliputi persempadanan kedua-dua bahasa.

Kesalingfahaman atau *mutual intelligibility* merupakan suatu keadaan yang merujuk kepada hubungan antara dua bahasa yang saling memahami antara satu sama lain. Kebiasaannya kesalingfahaman ini mempunyai pelbagai faktor yang mewujudkan keadaan ini, antaranya ialah